

05 AUG 2003

Putin-Sambutan (Bergambar)/I

PUTIN DIBERI SAMBUTAN RASMI

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Presiden Rusia Vladimir Putin yang tiba di sini petang semalam untuk lawatan rasmi dua hari, hari ini diberikan sambutan negara di perkarangan Bangunan Parlimen di sini.

Ketibaan Putin, Presiden Rusia pertama yang melakukan lawatan rasmi ke negara ini, disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Yang turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri-Menteri Kabinet dan pegawai diplomatik asing.

Presiden itu turut memeriksa barisan kehormatan yang terdiri daripada 103 pegawai dan anggota Rejiman Askar Melayu Diraja, selepas lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan. Unit Artileri ke-31 turut melepaskan 21 tembakan meriam.

Orang kenamaan yang hadir kemudiannya diperkenalkan kepada Putin.

Putin akan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di Hotel Shangri-La Hotel semasa Perdana Menteri mengunjunginya di hotel berkenaan.

Perbincangan kedua-dua pemimpin itu dijangka bertumpu kepada kerjasama ekonomi dua hala dan pelbagai isu antarabangsa.

Kedua-dua pemimpin kemudiannya akan menghadiri pelancaran Forum Perniagaan Malaysia-Rusia, juga di Shangri-La oleh Putin yang akan turut menyampaikan ucapan pada majlis itu.

Putin kemudiannya akan mengunjungi Dr Mahathir di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya untuk perbincangan lanjut.

Mereka dijangka menyaksikan majlis menandatangani tiga perjanjian antara kedua-dua kerajaan -- kerjasama sains dan teknologi, kerjasama dalam teknologi komunikasi dan maklumat, kontrak membekal pesawat Sukhoi SU-30 dan peralatan dan perkhidmatan sokongan logistik bersepadu untuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

-- BERNAMA

SR AHH RM LAT